

VPARLIMEN-BUMIPUTRA

1978

KUALA LUMPUR, 19 OKT. (BERNAMA)-TIMBALAN PERDANA MENTERI DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD MEMBERITAHU DEWAN RAKYAT HARI INI, BEBERAPA KEMAJUAN TELAH DICAPAI DALAM MEMPERTINGKIKAN TARAF EKONOMI BUMIPUTRA SEJAK DASAR EKONOMI BARU DILAKSANAKAN.

SEBAGAI CONTOH KATANYA PEMILIKAN SAHAM BUMIPUTRA DALAM SYARIKAT-SYARIKAT BERHAD TELAH MENINGKAT DARIPADA \$76.896 JUTA PADA TAHUN 1970 KEPADA \$298.292 JUTA PADA TAHUN 1974.

DATUK SERI DR. MAHATHIR MENYATAKAN INI SEWAKTU MENJAWAB PERTANYAAN ENCIK CHAN TECK CHAN (DAP-KOTA MELAKA)

BELIAU BERKATA PIHAK BUMIPUTRA PERSEORANGAN DAN AJENSI-AJENSI AMANAH MEMILIKI KIRA-KIRA 8.01 PERATUS DARIPADA JUMLAH SAHAM DALAM TAHUN 1974, IAITU \$870.621 JUTA DARIPADA JUMLAH \$11,231.753 JUTA JUMLAH SAHAM KESELURUHANNYA DALAM SYARIKAT-SYARIKAT BERHAD DI SELURUH SEMENANJUNG MALAYSIA.

ANGKA INI ADALAH SANGAT HAMPİR KEPADA MATLAMAT SEMBILAN PERATUS BAGI TAHUN 1975 SEBAGAIMANA YANG DIRANCANGKAN DALAM RANCANGAN MALAYSIA KEDUA. — BERSAMBUNG 1910/YF

EE

B646

P044

PARLIMEN-BUMIPUTERA 2 KUALA LUMPUR

DI DALAM BIDANG PERNIAGAAN PULA, PIHAK BUMIPUTRA TELAH MEMILIKI SEJUMLAH 33,469 LESEN PERNIAGAAN YANG MERUPAKAN 30.9 PERATUS DARI-PADA JUMLAH LESEN TERSEBUT.

MENGENAI PEMBASMIAN KEMISKINAN, DATUK SERI DR. MAHATHIR MENJELASKAN IANYA MELIBATKAN KESELURUHAN RAKYAT MALAYSIA TANPA MENGIRA KAUM.

OLEH ITU PROGRAM-PROGRAM MEMBASMI KEMISKINAN SERTA PRESTASINYA ADALAH DIANALISA MENGIKUT KUMPULAN ATAU GOLONGAN MISKIN SEPERTI NELAYAN, PENANAM PADI, PEKEBUN KECIL GETAH, PENDUDUK KAMPUNG-KAMPUNG BARU DAN BURUH PERTANIAN.

TIMBALAN PERDANA MENTERI MENEGASKAN RAKYAT MALAYSIA KESELURUHAN

-NYA TELAH, SEDANG DAN AKAN MENIKMATI FAEDAH DARIPADA STRATEGI UNTUK MENGURANGKAN KEMISKINAN TANPA MENGTRA KAUM.

MENGIKUT MATLAMAT DASAR EKONOMI BARU-, KADAR PERATUS RAKYAT DALAM GOLONGAN MISKIN YANG MELIBATKAN 49 PERATUS DALAM TAHUN 1970 DIJANGKA BERKURANGAN KEPADA 44 PERATUS DALAM TAHUN 1975, SETERUSNYA 34 PERATUS DALAM TAHUN 1980 DAN 17 PERATUS DALAM TAHUN 1990.

—BERSAMBUNG 1914/YF

PARLIMEN - BUMIPUTRA 3 KUALA LUMPUR

TIMBALAN PERDANA MENTERI MENYATAKAN BAHAWA DARIPADA KAJIAN SEMULA YANG DIBUAT, KADAR KEMISKINAN DALAM TAHUN 1977 SUDAH PUN BERKURANGAN SEHINGGA 38 PERATUS.

INI ADALAH SATU PERTANDA BAIK YANG MENUNJUKKAN BAHAWA KEMAJUAN TELAH DICAPAI BAGI MEMPERTINGKIKAN TARAF EKONOMI RAKYAT MALAYSIA KESELURUHANNYA, TAMBAHNYA. — BERNAMA OV BERNAMA 1915/YF